

# KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT KELAYAKAN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TENDER	HARGA JUALAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
<b>NO. TENDER :</b> <b>CIDBH/TEN-02/2023</b>  <b>CADANGAN PROJEK UBAHSUAI SERTA PENYEDIAAN KELENGKAPAN BAGI PEJABAT CIDB TECHNOLOGIES SDN BHD DAN ASRAMA ABM WILAYAH TENGAH DI JALAN CHAN SOW LIN, CHERAS, KUALA LUMPUR</b>	<b>CIDB G4</b>  <b>Kategori B</b>  <b>Pengkhususan B04 &amp; B28</b>	<u>Tarikh:</u> <b>28 Feb 2023 (Selasa)</b>  <u>Masa:</u> <b>Taklimat 2.30 petang</b>  <b>Lawatan Tapak 4.30 petang</b>  <u>Tempat:</u> <b>Mini Teater, Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Tengah, Lot 8, Seksyen 91, Jalan Chan Sow Lin, 55200 Kuala Lumpur</b>	<b>RM 400.00</b>  Bayaran adalah menerusi <b>Pindahan Wang Atas Talian (Online Instant Transfer)</b> sahaja dan tidak akan dikembalikan  Tarikh jualan: <b>28 Feb 2023</b>  <b>Hingga 2 Mac 2023</b>	<u>Tarikh:</u> <b>20 Mac 2023 (Isnin)</b>  <u>Masa:</u> <b>12.00 tengah hari</b>  Dokumen tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

- Sesi taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Kehadiran wakil petender yang dibenarkan adalah terdiri dari **PENAMA** yang tercatat di dalam sijil PPK dan SPKK atau **pegawai di peringkat pengurusan beserta surat pengesahan** sahaja.
- Dokumen Tender hanya akan dijual kepada petender yang **menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak sahaja**. Petender adalah **DIWAJIBKAN** membawa perkara-perkara berikut semasa menghadiri taklimat:
  - Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**
  - Sijil Perolehan Kerja Kerajann (SPKK)**
  - Cop syarikat beralamat penuh**
- Link / QR Code** bagi jualan dokumen tender akan diberikan ketika lawatan tapak. Bayaran boleh dibuat bermula **28.2.2023 hingga 2.3.2023 (hingga jam 4.00 petang)**. Slip bayaran perlu dikemukakan oleh petender sebagai bukti pembayaran.
- Dokumen Tender dan Dokumen Meja Tender boleh diperolehi di pejabat **CIDB Holdings Sdn Bhd, Tingkat 22, Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), No. 45, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur, pada waktu operasi 10.00 pagi hingga 4.00 petang**.
- Penghantaran / Pengemukaan Dokumen Tender hendaklah dilakukan secara **SERAHAN TANGAN/ POS BERDAFTAR/KURIER SAHAJA** dan pentender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba di **Pejabat CIDB Holdings Sdn Bhd** sebelum atau pada **Tarikh Tutup Tender** selewatnya pada jam **12.00 Tengah Hari**.
- Bukti penghantaran di antara Petender dan syarikat kurier tidak dianggap sebagai bukti penerimaan. CIDB Holdings Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan atau kehilangan dokumen tender yang dikemukakan melalui kurier dan sebarang sebab serta alasan adalah tidak akan dipertimbangkan.
- Dokumen Tender hendaklah diisi dengan lengkap. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tawaran tidak akan dipertimbangkan.
- CIDB Holdings Sdn Bhd tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran harga terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.